

21 MAY 2001

MT TENTUKAN NASIB ENAM ANGGOTA TERLIBAT POLITIK WANG

KUALA LUMPUR, 21 Mei (Bernama) -- Majlis Tertinggi Umno bermesyuarat di sini hari ini dengan nasib enam anggota Umno yang didapati bersalah oleh Lembaga Disiplin parti kerana terlibat dalam amalan politik wang dipercayai menjadi agenda utama perbincangan.

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Presiden Umno bermula pada 3 petang di ibu pejabat parti di Menara Datuk Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra.

MT dijangka membincangkan rayuan oleh keenam-enam anggota itu yang termasuk tiga ketua bahagian iaitu Datuk Abdullah Omar (Muar), Datuk Zainol Mohd Isa (Baling) dan Mustafa Kamal Mohd Nawi (Gopeng) kerana kemenangan ketiga-tiganya pada pemilihan bahagian baru-baru ini dibatalkan oleh Lembaga Disiplin Umno.

Mesyuarat hari ini mendapat perhatian banyak pihak yang ingin mengetahui pendirian MT berhubung kenyataan Abdullah untuk keluar parti jika rayuannya ditolak dan tentang kedudukan Zainol sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar Negeri Kedah.

-- BERNAMA

MAM MS AZZ MAI